

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Suatu hakikat yang wajib diyakini setiap muslim ialah wahyu yang diterima oleh para Rasul a.s. daripada sumber yang kudus merupakan “*the most certain knowledge*”¹ atau ilmu yang paling pasti. Begitulah al-Qur’an, wahyu terakhir yang menyimpan khazanah ilmu umpama lautan tidak bertepi. Manusia amnya dan kaum muslimin khasnya dituntut menimba dan menggali mutiara-mutiara ilmu al-Qur’an untuk diambil iktibar yang praktis dan dimanfaatkan.

Firman Allah;

كَتَبْنَا إِلَيْكَ مَبْرُوكًا لِّتَذَكَّرَ أَهْلِيهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُوا
الْأَلْبَابِ

Terjemahannya:

“(Al-Qur’an ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu, kitab yang penuh berkat untuk mereka memahami kandungan ayat-ayatnya dengan teliti dan semoga orang yang berakal mengambil iktibar daripadanya”.

Surah Şād (38) : 29

Al-Qur’an mengenengahkan banyak perkara berkaitan pelbagai bidang kehidupan manusia. Sudah ramai penyelidik dan pengkaji yang mengambil manfaat daripada al-Qur’an dengan mengkaji perkara-perkara dalam bidang kepakaran mereka atau bidang yang mereka minati seperti hukum-hakam,

¹ Wan Mohd. Nor Wan Daud (1989), *The Concept of Knowledge In Islam and It's Implication For Education In A Developing Country*, Mansell, London, hal. 36

perubatan, pendidikan, biologi, sosiologi dan lain-lain. Apa yang pasti, lautan khazanah hikmahnya tidak akan kering.

Sehubungan itu, penyelidik tertarik kepada satu kalimat yang pernah diungkapkan oleh Nabi Syu'aib a.s. iaitu *iṣlāḥ* seperti yang dirakamkan Allah dalam Kitab Suci Nya.

Firman Allah;

وَمَا أَرِيدُ أَنْ أُخَالِفَكُمْ إِلَىٰ مَا أَنْهَكُمْ عَنْهُ إِنِّي مَأْمُورٌ بِالْإِصْلَاحِ
مَا أَتَطَعْتُ

Terjemahannya:

"...aku tidak bertujuan hendak melakukan sesuatu yang aku melarang kamu daripada melakukannya. Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku..."

Surah Hūd (11) : 88

Menurut Hasan al-Bannā, al-Qur'an menampilkan satu pakej lengkap lagi menyeluruh tentang prinsip dan kaedah *iṣlāḥ* masyarakat.² Persoalan *iṣlāḥ* dalam al-Qur'an lebih tertumpu kepada pembangunan insan merangkumi aspek rohani, emosi, intelek, akhlak dan sosial. Persoalan ini pada keyakinan penyelidik amat bersesuaian dengan bidang pendidikan yang penyelidik ceburi.

² Hasan al-Bannā (t.t), "Bayna al-Ams wa al-Yawm" dlm. *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Syāḥid Hasan al-Bannā*, Dār al-Syihāb, Kaherah, hl. 127.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Bagi setiap umat, Allah mengutuskan sekurang-kurangnya seorang Rasul atau Nabi a.s. yang juga disebut dalam al-Qur'an sebagai *nadhir* untuk membimbing dan membawa hidayah Allah. Para Nabi a.s. juga berperanan membetulkan kepincangan umat dan membawa mereka kembali berada atas landasan syariat Allah S.W.T.

Firman Allah ;

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَإِنْ مِنْ أُمَّةٍ إِلَّا خَلَا
فِيهَا نَذِيرٌ ﴿٢٤﴾

Terjemahannya;

"Sesungguhnya Kami mengutusmu dengan agama yang benar sebagai pembawa berita gembira (kepada orang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang yang engkar) dan tidak sesuatu umatpun melainkan telah ada dalam kelangan dahulu seorang rasul pemberi ingatan dan amaran".

Surah Fāṭir (35) : 24

Memang sudah menjadi lumrah manusia, mudah lupa dan alpa. Bimbingan dan peringatan yang diberikan kesekian kalinya oleh Nabi mereka hilang dibawa arus masa dan dikaburi pesona dunia. Hakikat ini dirakamkan oleh Allah dalam surah Maryam menyusuli kisah beberapa Rasul a.s.

Firman Allah s.w.t.

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهْوَاتِ
فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ عَذَابًا ﴿٢٤﴾

Terjemahannya;

"Kemudian mereka digantikan oleh keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat), maka mereka akan menghadapi azab."

Surah Maryam (19) : 59

Situasi yang serupa juga berlaku sepanjang zaman. Penyelewengan aqidah, penyimpangan akhlak, keruntuhan nilai diri, jenayah, penindasan dan kezaliman berlaku di seluruh penjuru alam. Dr. Yūsuf al-Qardawī telah membincangkan fenomena kelemahan dan kepincangan umat Islam dalam karya beliau berjudul *"Ayna al-Khala"*. Menurut persepsi beliau, antara fenomena kepincangan umat Islam ialah mereka melupai ajaran al-Qur'an, pudar kekuatan rohani, goyah dan rosak iman, umat tidak memanfaatkan kekuatan dan sumber dengan maksimum serta daya fikir dan inovasi yang rendah.³ Menurut hemat penyelidik, sekalipun pandangan beliau merujuk kepada situasi umat Islam sekitar 20 tahun lalu, namun sebahagiannya masih relevan dengan situasi umat kini.

Dalam konteks masyarakat Islam di tanahair, masalah keruntuhan akhlak, penagihan dadah, jenayah fizikal dan ekonomi, rasuah dan keruntuhan institusi keluarga menjadi isu-isu yang tidak pernah padam. Abdul Ghani Hj. Don dalam satu kertas kerjanya memetik laporan yang disiarkan oleh Utusan Malaysia bahawa dianggarkan seramai 1096 orang penagih baru dikesan di

³ Yusuf al-Qardawī, (1990), *Di Manakah Kepincangan Umat Kini?*, Mohd. Fakhruddin bin Abdul Mukti (terj), Shah Alam: Penerbitan Hizbi, hal. 3-22.

seluruh negara pada setiap bulan.⁴ Sementara itu, menurut statistik Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, pada tahun 2001 sebanyak 3728 kes jenayah juvenil dilaporkan.⁵

Fenomena negatif dalam masyarakat tidak akan selesai dengan hanya kata-kata kecaman dan slogan kosong. Ia memerlukan penglibatan aktif dan positif semua pihak termasuk warga pendidikan, ibu bapa, organisasi dakwah Islam dan media massa.

Penyelidik percaya kewujudan dan perkembangan organisasi-organisasi dakwah telah memberi sumbangan dalam membantu masyarakat dan kerajaan menangani gejala-gejala negatif seperti itu dengan pendekatan tersendiri. Mereka berfungsi sebagai agen sokongan kepada institusi keluarga dan institusi pendidikan formal dalam usaha membina sahsiah Islam dan menyemarakkan penghayatan ajaran Islam di kalangan remaja dan masyarakat amnya. Perkembangan ini menarik minat penyelidik membuat kajian lapangan ke atas strategi dan aktiviti sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang mewarwarkan *islāh* iaitu Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM).

1.3 Soalan Kajian

Melalui kajian ini, penyelidik berharap akan mendapat jawapan bagi beberapa soalan berikut.

⁴ Abdul Ghani Mohd. Don (2000), "Budaya Hedonisme: Corak dan Kesannya Terhadap Pembinaan Masyarakat Dinamik Di Malaysia" dlm. Fariza Md. Sham (et.al), *Dakwah Dan Perubahan Sosial*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. hal. 54.

⁵ Mingguan Malaysia, 22 Februari 2004.

1.3.1 Adakah kalimat *islāh* dalam al-Qur'an membawa maksud dan konsep khusus?

1.3.2 Apakah skop atau konteks penggunaan kalimat *islāh* dalam al-Qur'an?

1.3.3 Adakah kefahaman konsep *islāh* yang dibawa oleh JIM selaras dengan al-Qur'an?

1.3.4 Adakah usaha dan aktiviti JIM selaras dengan konsep dan skop *islāh* tersebut?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif-objektif berikut.

1.4.1 Merumuskan maksud, konsep dan ruang lingkup *islāh* berdasarkan akar kata *islāh* yang terdapat dalam al-Qur'an.

1.4.2 Mengkaji dan merumuskan pemahaman JIM terhadap konsep *islāh* serta pelaksanaannya melalui gerak kerja dakwah khasnya yang berkaitan aspek pembinaan insan.

1.5 Kepentingan Kajian

1.5.1 Memberikan satu rumusan berkaitan konsep *islāh* yang selaras dengan al-Qur'an.

1.5.2 Membantu penyelidik dan para pendidik memahami pendekatan *islāh* dalam aspek pembinaan insan menurut perspektif al-Qur'an dan

seterusnya mengambil langkah yang bersesuaian dalam mendidik pelajar-pelajar ke arah generasi soleh.

- 1.5.3 Berdasarkan dapatan kajian ini, boleh membantu ke arah penambahbaikan strategi dan pendekatan *islāh* oleh organisasi-organisasi dakwah dan pertubuhan kebajikan yang terlibat dengan kegiatan pemulihan akhlak.

1.6 Skop Kajian

Sekalipun tajuk kajian ini merujuk kepada perspektif al-Qur'an, namun secara realistik dan praktikalnya penyelidik tidak mengkaji seluruh ayat al-Qur'an, sebaliknya membataskan skop kajian seperti berikut.

- 1.6.1 Teras kajian adalah kalimat *islāh* dan pecahan-pecahannya dalam al-Quran.
- 1.6.2 Tumpuan kajian kepada skop *Islāh yang menyentuh* aspek pembinaan insan yang merupakan bidang kerjaya penyelidik.
- 1.6.3 Kajian lapangan ke atas JIM adalah bagi tempoh satu dekad kewujudannya, sejak 1990 sehingga 2001 sahaja.
- 1.6.4 Kajian ini tidak menganalisis atau menilai keberkesanan strategi dan aktiviti JIM yang bersifat pembinaan insan.

1.7 Pengertian Tajuk

- i. **Konsep *Islāh Menurut al-Qur'an*** : Konsep diambil daripada Bahasa

Inggeris "*concept*" dinyatakan sebagai "*idea of a class of things*"⁶ atau idea yang menyeluruh tentang sesuatu.⁷ Justeru itu, konsep *islāh* bermaksud gagasan dan idea yang menyeluruh tentang *islāh*⁸ yang disingkap dan dirumus daripada ayat-ayat al-Qur'an.

ii. ***Pelaksanaannya Dalam Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM):***

Frasa ini merujuk kepada kajian lapangan tentang pelaksanaan aktiviti-aktiviti *islāh* dan juga kefahaman konsep *islāh* di dalam sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam iaitu Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia atau singkatannya JIM.

1.8 Ulasan Penulisan

Persoalan *islāh* pernah dibincang oleh beberapa penulis dan sarjana Islam daripada pelbagai perspektif seperti dakwah, sejarah dan politik. Hasan al-Banna telah menghuraikan secara ringkas tetapi jelas sebelas prinsip *islāh al-mujtama'* atau pembaharuan masyarakat secara menyeluruh yang meliputi aspek aqidah, kemanusiaan, hak asasi, memerangi jenayah, kesatuan umat, penekanan jihad dan peranan negara.⁹

⁶ *The Oxford Combined Dictionary Of Current English an Modern English Usage* (1987), Great Britain, hal. 53.

⁷ *The Hutchinson Encyclopedic Dictionary* (1994), Helecon Publishing, England, hal. 177

⁸ Maksud *islāh* akan dihurai dengan terperinci dalam Bab 2.

⁹ Hasan al-Bannā (t.t.), "Bayn al-Ams wa al-Yawm", dlm. *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Syāhid Hasan al-Bannā*, Mesir: Dār al-Syihāb, hal. 127 - 128

Dr. ‘Abd al-Majīd al-Najjār melalui kajian historisnya, mengkaji secara analitis dan kritis pendekatan dan strategi al-Mahdī ibn Tūmart yang memimpin *Ḥarakat al-Muwahhīdīn* untuk melakukan *islāh* dan pembaharuan di kalangan masyarakat Islam Maghribi pada awal kurun keenam Hijrah.¹⁰ Menurut penelitian beliau, al-Mahdī telah berhasil mengembalikan penghayatan al-Qur’an dan al-Sunnah di kalangan kaum muslimin Maghribi dalam aspek sosial, pendidikan, undang-undang dan politik.¹¹

Sementara Saari Sungib, Presiden Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (1990 – 1999), kerap membicarakan konsep dan pendekatan *islāh* dalam beberapa penulisan beliau yang menyentuh aspek *islāh* individu, masyarakat dan juga sistem dalam konteks realiti Malaysia. Menurut beliau intipati *islāh* ialah pembaikan, pencegahan daripada kerosakan, pemulihan, perubahan kepada persekitaran yang lebih baik, pembaharuan dan mewujudkan perdamaian.¹² Penyelidik membincangkan pandangan beliau dengan lebih lanjut dalam Bab 4.

¹⁰ ‘Abd al-Majīd al-Najjār, (1995), *Tajrūbah al-Islāh fī Ḥarakah al-Mahdī ibn Tūmart: al-Ḥaḍārāh al-Muwahhīdīyah bi al-Maghrib Awā’il al-Qarn al-Sādis al-Hijrī*, The International Institute of Islamic Thought, Herndon USA, hal. 39

¹¹ *Loc.cit.*

¹² Lihat Saari Sungib (1991), *Pengislahan Masyarakat: Persiapan Menuju Abad 21*. Kuala Lumpur: Pertubuhan JIM, hal 1-2 dan Saari (1994), *Aktivisme JIM 1993-1995*, Kuala Lumpur : Pertubuhan JIM, hal. 22.

Ṭāhā Jābir al-ʿUlwānī pula melontarkan beberapa persoalan berkaitan isu *islāh* dan perubahan umat Islam. Antara lain beliau menegaskan bahawa pendekatan bagi *islāh* dan perubahan masyarakat dalam kaedah Islam berbeza sama sekali dengan pendekatan menurut teori binaan manusia. Pendekatan Islam mempunyai ciri-ciri khusus, kaedah dan keistimewaan tersendiri.¹³ Beliau juga melontarkan beberapa persoalan dan cadangan yang menurut hemat beliau perlu dikaji secara serius oleh pengkaji dan pemimpin badan-badan dakwah.

Menerusi kajian ini, penyelidik cuba mengambil pendekatan yang mirip kepada *tafsīr mawḍūʿī*¹⁴ atau tafsir bertema dan membuat kajian lapangan ke atas sebuah organisasi dakwah Islam di tanahair.

1.9 Metodologi Kajian

Menurut Cohen dan Marion ada tiga cara bagaimana manusia mencapai sesuatu rumusan tentang sesuatu perkara atau fenomena iaitu secara induktif, deduktif atau gabungan kedua-duanya.¹⁵ Penyelidik mengambil pendekatan induktif bagi kajian ini dengan mengkaji dan memahami ayat-ayat al-Qur'an

¹³ Ṭāhā Jābir al-ʿUlwānī (1995), "Pendahuluan" dlm. ʿAbd al-Majīd al-Najjār, *Tajribah al-Islāh ʿĪ Ḥarakah al-Mahdī bin Tūmart*, cet. 2. Virginia, USA: The International Institute of Islamic Thought, hal. 14.

¹⁴ Untuk bacaan lanjut rujuk Muḥammad al-Ghazālī (1992), *Nahwa Tafsīr Mawḍūʿī Lī Suwar al-Qurʾān al-Karīm*. Beirut: Dār al-Sayrūq dan Ṣalāh ʿAbd al-Fattāh al-Khālīdī (1995), *al-Tafsīr al-Mawḍūʿī Bayn al-Nazariyyah wa al-Taḥqīq*, Jordan: Dār al-Nafāʿis.

¹⁵ Cohen, Louis & Lawrence Marion (1994), *Research Methode in Education*, London: Routledge, cet. 4, hal. 23.

yang berkaitan *islāh* dan akhirnya membuat rumusan menyeluruh atau generalisasi ke atas konsep *islāh*. Untuk itu, metode yang penyelidik guna pakai terdiri daripada kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

1.9.1 Kerangka Kajian

Laporan kajian atau disertasi ini dibahagikan kepada lima bab seperti berikut.

- i- Bab 1 - Pendahuluan : Melalui bab ini penyelidik mengenengahkan latarbelakang masalah kajian, soala kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian ini, pengertian tajuk yang menghurakan istilah dan kata kunci tajuk kajian, ulasan penulisan terdahulu dan metodologi kajian yang digunakan.
- ii- Bab 2 merupakan landasan teori dan teras kajian di mana penyelidik membincangkan konsep *islāh* dari segi bahasa dan perspektif al-Qur'an.
- iii- Bab 3 dan 4 yang menggabungkan kajian perpustakaan dan kajian lapangan difokuskan kepada latar belakang dan gerak kerja *islāh* JIM.
- iv- Bab 5 - Penutup, mengandungi rumusan dan cadangan.

1.9.2 Sumber Data dan Maklumat

Bagi menyempurnakan kajian ini, penyelidik mendapatkan ilmu, fakta, data dan maklumat daripada sumber-sumber berikut;

- i- Perpustakaan Utama Universiti Malaya Kuala Lumpur.

- ii- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- iii- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri, Kelantan.
- iv- Perpustakaan Za'aba Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- v- Perpustakaan Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Johor.
- vi- Perpustakaan MARSAH Johor Bahru.
- vii- Koleksi buku-buku peribadi penyelidik dan rakan.
- viii- Laporan tahunan dan buletin terbitan Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia.
- ix- Beberapa tokoh dan aktivis JIM melalui wawancara sama ada secara semuka, mel-elektronik atau melalui telefon.

1.9.3 Prosedur Kajian

- i- Mengenal pasti ayat-ayat al-Qur'an yang mengandungi kalimat *islāh* atau pecahan daripada akar kata *aṣlaḥa*.
- i- Merumuskan makna dan maksud *islāh* dari segi bahasa berdasarkan kamus Bahasa Arab, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- ii- Meneliti tafsiran-tafsiran bagi ayat-ayat tersebut dalam kitab-kitab tafsir dan merumus konsep dan skop *islāh* berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an dan tafsiran-tafsiran tersebut.
- iii- Mengumpul maklumat-maklumat berkenaan latar belakang organisasi dan gerak kerja JIM yang relevan.

iv- Membuat perbandingan dan merumuskan skop gerak kerja *islāh*

JIM dengan skop yang dirumus daripada al-Qur'an.